

11/08/2003

Langkah Malaysia perkenal futsal dapat pujian

Raja Ahmad Zainuddin

JIKA pusat membeli belah tidak mahu menerima kad kredit ia bukanlah satu perkara yang mengejutkan. Tetapi percayakah anda jika ada hotel yang bertaraf lima bintang enggan menerima dolar Amerika?

Selama saya berpeluang berada di negara luar itulah pengalaman pertama yang saya alami ketika di Teheran yang menjadi tuan rumah Kejohanan Futsal Asia selepas ia berpindah dari Jepun ke Iran.

Berbeza di Dubai, sebuah lagi negara Arab yang kaya dengan minyak, rakyat Malaysia cukup dihormati. Pernah seorang warga negara kita ketika bermasalah menukar wang ketika membeli belah, pelayan kedai tersebut bukan setakat tidak menyimpan rasa marah, malah melemparkan senyum yang menguntum.

Rasa kagum tidak terkira juga menyelinap di sanubari tatkala melihat terpampang penuh gambar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed di kulit muka depan sebuah majalah berbahasa Arab sewaktu membelek majalah sukan dan buku di sebuah toko hotel tempat saya tinggal.

Buku mengenai Dr Mahathir ini juga pernah saya temui di sebuah kedai di Lapangan Terbang Melbourne ketika dalam perjalanan ke Sydney bersama Menteri Besar Perak Datuk Seri Diraja Mohamed Tajol Rosli Ghazali sedikit masa dulu.

Tidak siapa yang boleh menyalahkan rakyat Iran pada masa ini jika angin membenci Presiden Bush bertiup kencang hinggakan tiada satu pun makanan segera keluaran Amerika di ibu negara yang cukup padat itu.

Jika di Malaysia, rata-rata anggota Parlimen turut meluahkan rasa hampa dan kecewa berikutan serangan tidak berperikemanusiaan ke atas Iraq yang kini hancur, begitulah juga agaknya rasa benci yang meluap-luap di kalangan rakyat Iran terhadap ancaman Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap mereka hinggakan minuman kegemaran seperti Coca Cola kini menjadi Zam Zam Cola.

Begitupun, suasana kemeriahan sepanjang kejohanan itu berlangsung memang tidak boleh dinafikan. Gemuruh rasanya melihat sokongan padu lebih 12,000 penyokong fanatik Iran yang memenuhi setiap ruang tempat duduk Dewan Tertutup Azadi ketika juara bertahan itu membelasah China 11-2. Cuma yang tidak kelihatan ialah penyokong wanita, disebabkan budaya dan pengaruh agama yang begitu kuat di sana.

Panas terik hingga menusuk ubun kepala bagaikan tidak terasa kerana terpegun melihat telatah dan gelagat penyokong Iran, seolah-olah perlawanan yang sedang berlangsung itu bukan futsal, tetapi perlawanan bola sepak biasa. Begitulah sokongan menggila rakyat Iran ke atas pasukan mereka seperti satu tradisi wajib dan pegangan kuat mereka.

Walaupun, keadaan keselamatan dikawal ketat dengan pengawal diletakkan di setiap pintu masuk, dengan setiap seorang diperiksa seluruh anggota badan, ia sama sekali tidak menghalang rakyat Iran untuk memenuhi setiap perlawanan yang membabitkan pasukan mereka.

Malah, di depan mata saya sendiri, walaupun barang minuman seperti botol plastik dan cawan turut dirampas petugas keselamatan, tiada seorang pun yang bertindak melawan, sebaliknya menghormati ia sebagai satu peraturan untuk mengawal keselamatan semua.

Rasa takut pada mulanya juga hilang begitu kerana layanan dan lemparan senyum rakyat Iran terhadap orang asing. Bahkan serangan askar Amerika ke atas negara jiran, Iraq juga rupanya sama sekali tidak menghalang Iraq untuk turut serta dalam kejohanan tahunan itu.

Bahkan kehadiran Iraq turut di alu-alukan semua pasukan. Ia seolah-olah menggambarkan betapa pasukan bekas negara Presiden Saddam Hussein itu seperti tidak mengalami apa-apa di negara mereka.

Semangat Iraq sewajarnya dipuji dan menjadi contoh kepada mana-mana negara yang mendaulatkan sukan sebagai jambatan untuk berbaik-baik. Dari apa yang saya dengar kononnya jika kejohanan itu tidak di ubah dari Osaka, pihak tuan rumah merancang memberi sambutan meriah kepada pasukan Iraq di atas semangat jitu mereka walaupun dalam saat sedang menghadapi peperangan.

Di Iran, futsal bukanlah sukan baru, malah pada masa ini mereka memiliki 5,000 kelab yang terbabit di dalam liga tiga peringkat anjuran persatuan bola sepak mereka dan ketika ini, mereka adalah Raja Asia.

Di peringkat Asean pula, Thailand adalah negara terunggul sukan tersebut dan Malaysia juga sedang menuju ke arah mempopularkannya supaya futsal suatu hari ini juga akan menjadi minat kita kerana ramai pemain yang bertaraf bintang pada hari ini memulakan karier mereka menerusi futsal.

Ketua bahagian futsal Persekutuan Bola sepak Antarabangsa (Fifa) yang turut berada di Teheran ketika di perkenalkan kepada saya, turut memuji langkah Malaysia memperkenalkan sukan itu, bahkan beliau turut memuji penganjuran kita di dalam Kejohanan Dunia Kuala Lumpur baru-baru ini.

Malah, jika dibandingkan kemudahan Stadium Tertutup Bukit Jalil dengan Stadium Azadi, terlalu jauh. Begitupun, Iran sekali lagi mendapat penghormatan menjadi tuan rumah Kejohanan Asia itu dan sambutannya begitu menggalakkan.

Justeru, jika Malaysia diberi penghormatan selepas ini untuk menjadi tuan rumah Kejohanan Futsal Dunia tiada siapa yang boleh mempersoalkannya kerana sebelum ini pun, kita bukan sahaja mampu berbuat demikian seperti Kejohanan Remaja Dunia, Formula 1 dan Sukan Komanwel, tetapi turut mendapat pujian ramai.

Ditambah pula dengan pencapaian beberapa atlit kita di persada antarabangsa termasuk yang terbaru, perenang maraton negara, Abdul Malik Mydin yang berjaya menakluk Selat Inggeris. Sekalung tahniah diucapkan kepada anak kelahiran Pulau Pinang ini.

Syabas juga kepada pasukan Perak yang sekali lagi muncul juara Liga Perdana Satu musim 2003. Tahniah kepada Raja Muda, Raja Datuk Seri Dr Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Shah selaku peneraju utama skuad Seladang itu yang baru sahaja mewakili negara di Kejohanan Kelab-kelab Asean di Indonesia.

Perak juga bertuah kerana adanya pendorong utama yang sentiasa memberi galakan dan rangsangan pasukan seladang itu iaitu Datuk Seri Mohamed Tajol Rosli yang sentiasa mengambil berat segala kebajikan pasukan.

Bagi saya, sudah tentu saya turut berbangga kerana tangan-tangan yang menjulang piala yang dibuat daripada kristal itu adalah anak-anak buah saya ketika menjadi pengurus pasukan seperti Indra Putra Mahyuddin, Chan Kok Heng, Ahmad Shahrul Azhar, Abu Bakar Fazim, Shamsul Saad, Khalid Jamlus, M Nagarajah, V Saravanan, Tay Sing Keat, Chan Wing Hoong dan K Nantha Kumar.

Saya gembira kerana mereka masih setia dengan Perak hingga ke hari ini, walaupun sekian lama bersama saya hingga ke tahun 2000 sewaktu kali terakhir Perak menjulang Piala Malaysia.